

23/06/2002

Komponen BN lega PM batal hasrat letak jawatan

KOTA KINABALU: Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah mengakui kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir amat diperlukan di negara ini.

Ketua Menteri Sabah merangkap Pengerusi BN Sabah, Datuk Chong Kah Kiat, berkata persetujuan Dr Mahathir menarik balik hasratnya mengundurkan diri sesuatu yang melegakan.

"Negara masih memerlukan kepemimpinan beliau (Dr Mahathir)," katanya.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRSS), Tan Sri Joseph Kurup, berkata sekarang bukan masa bagi Dr Mahathir bersara daripada politik kerana kepemimpinannya masih diperlukan.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan tahniah kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno kerana berjaya memujuk Dr Mahathir supaya menarik balik pengumuman awalnya untuk melepaskan jawatan.

Timbalan Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Tham Nyip Shen, juga mengalu-alukan keputusan Dr Mahathir untuk meneruskan perjuangan dalam parti dan BN.

Beliau menyifatkan pengumuman awal Dr Mahathir mengundurkan diri dari politik sesuatu yang mengejutkan, tetapi persetujuannya untuk menarik balik keputusan itu pasti melegakan rakyat Malaysia.

"Tidak dinafikan, seseorang perlu bersara daripada politik, tetapi sekarang bukan masa bagi Dr Mahathir berbuat demikian," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Parti Bersatu Sabah (PBS) kawasan Kiulu, Datuk Louis Rampas, berkata Malaysia masih memerlukan kepemimpinan Dr Mahathir, terutama dalam merealisasikan Wawasan 2020.

"Masih banyak perkara beliau (Dr Mahathir) perlu lakukan untuk negara dan rakyat...kita mahu beliau terus kekal," katanya.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, Datuk Nasir Sakaran, berkata kepemimpinan Dr Mahathir amat diperlukan, terutama dalam memantapkan lagi perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Kita doakan Dr Mahathir dipanjangkan usia dan terus memimpin kita, terutama sebagai Presiden Umno," katanya.

Sambil menyatakan rasa lega Dr Mahathir bersetuju untuk meneruskan perjuangan dalam parti, Nasir yang juga Adun Senallang berikrar memberi sokongan padu kepada Dr Mahathir.

Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman, menyifatkan persetujuan Dr Mahathir menarik balik keputusannya mengundurkan diri sesuatu yang melegakan, sambil menegaskan kepemimpinan Dr Mahathir masih diperlukan.

Katanya, kepemimpinan Perdana Menteri bukan saja diperlukan Umno, tetapi negara Islam dan masyarakat Islam di seluruh dunia.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, Wanita Umno berikrar untuk bekerja lebih bersungguh-sungguh bagi menjayakan cita-cita dan harapan Presiden parti itu untuk menjamin masa depan bangsa Melayu dan negara Malaysia yang cemerlang.

Pemuda Umno Johor turut meminta Dr Mahathir melupakan hasrat meletak jawatan kerana bangsa Melayu dan ahli Umno khususnya, masih memerlukan kepemimpinan beliau untuk negara ini.

(END)